

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) Perkembangan siasatan dan tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat dalam kes salah laku dan penyelewengan dana Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan;
- (b) Langkah penstrukturan semula yang diambil bagi membaik pulih institusi YaPEIM

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

- (a) Setiap salahlaku dan penyelewengan yang dilakukan oleh mana-mana pihak di dalam YaPEIM pada masa sekarang atau lepas akan dipertanggungjawabkan ke atas individu yang terlibat dan akan diambil tindakan berdasarkan polisi dan prosedur dalaman YaPEIM dan undang-undang di Malaysia.

Untuk makluman, Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM telah melantik pihak PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk melaksanakan audit terhadap perbelanjaan operasi dan transaksi perolehan bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Ogos 2018. Laporan PWC telah dimuktamadkan oleh pihak LPA pada 2 Mei 2019 dan kini dalam proses audit susulan dan siasatan dalaman untuk beberapa kes yang telah dikenalpasti.

- (b) Tindakan penambahbaikan secara berterusan yang telah dan sedang diambil oleh YaPEIM adalah seperti berikut:
- 1) Pelaksanaan langkah-langkah peningkatan tadbir urus.
 - 2) Rasionalisasi penstrukturan korporat.
 - 3) Rasionalisasi penstrukturan pelaburan.
 - 4) Kajian dan penambahbaikan terhadap polisi-polisi dan prosedur.
 - 5) Kajian menyeluruh terhadap aspek sumber manusia meliputi aspek penggajian, ganjaran, latihan, kerjaya dan pelan penggantian.